

## JANGAN HAMPIRI ZINA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ  
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَ أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Kesempurnaan Islam dalam kehidupan manusia meliputi suruhan dan larangan. Di antara larangan-Nya ialah perzinaan. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Isra' ayat 32:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَةَ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Yang bermaksud: “Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang sangat buruk.”

Perzinaan adalah satu perlakuan yang amat keji di sisi Allah Subhanahu wa-Taala. Oleh itu agama Islam menggalakkan perkahwinan untuk menyelamatkan seseorang daripada perzinaan. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang dirwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنْ اسْتَطَاعَ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ فَإِنَّهُ أَغْضُ لِلْبَصْرِ وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ

Yang bermaksud: “Wahai pemuda-pemuda! Barangsiapa yang mampu, maka berkahwinlah kerana ia menutup pandangan dan menjaga kemaluan.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Islam dengan tegasnya melarang daripada menghampiri zina sepertimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tabrani yang bermaksud:

*“Jauhilah oleh kamu akan zina kerana akan ditimpa dengan empat kecelakaan, iaitu hilang seri pada mukanya, disempitkan rezekinya, mendapat kemurkaan Allah, dan lamanya berada dalam neraka.”*

Kita kini berada pada zaman yang sangat mencabar apabila terdapat golongan yang ingin menghalalkan perbuatan keji ini. Mereka menggesa pihak kerajaan supaya zina, liwat dan penukaran jantina diharuskan.

Umumnya, umat Islam di Malaysia mengetahui zina adalah haram dan keji, namun demikian masih ada lagi mereka yang melakukannya. Hasilnya kita dapat lihat ratusan ribu anak tidak sah taraf dilahirkan. Laporan dari Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia mencatatkan angka yang sangat memeranjatkan. Dari tahun 2000 hingga ke tahun 2015 lebih 416,000 kelahiran anak tidak sah taraf yang didaftarkan. Secara puratanya kira-kira 140 bayi luar nikah dilahirkan setiap hari. Ini belum lagi dikira perzinaan yang tidak melahirkan anak atau anak yang dibuang di merata-rata.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Allah Subhanahu wa-Taala telah menentukan hukuman yang berat kepada pesalah zina sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Nur ayat 2:

الرَّانِيَةُ وَالرَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ

كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلْيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾

Yang bermaksud: *“Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat; dan janganlah*

*kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang yang beriman.”*

Dikisahkan pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam “Dari Abu Hurairah r.a. berkata: Ada seorang lelaki yang bernama Maiz bin Malik Al Aslam datang kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ketika baginda sedang berada di masjid, katanya: Ya Rasulullah, saya berzina. Mendengar ucapan itu Rasulullah berpaling darinya. Tetapi orang itu mengulang-ulang perkataannya, bahkan bersumpah pula. Maka Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam memanggilnya dan bertanya: Apakah engkau berzina Muhsan (telah berkahwin)?, jawabnya: Benar. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Bawalah orang ini dan rejamlah!” Apabila dia terkena rejaman, lalu dia melarikan diri. Rasulullah saw bersabda: “biarkan lah dia.”

Hadis ini menjelaskan kepada kita bahawa hukuman rejam yang berlaku pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah atas pengakuan pezina itu sendiri. Sedangkan dalam hadis tersebut Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berpaling mukanya daripada lelaki tersebut bagi mengelakkan daripada menjatuhkan hukuman. Di sini menunjukkan pembuktian bagi kesalahan-kesalahan hudud adalah amat ketat.

Bagi pezina yang belum berkahwin, jika disabitkan kesalahan maka hukumannya 100 kali sebatan dan cara sebatan yang dilaksanakan tidak mencederakan dan bertujuan untuk mendidik bukan cara sebatan yang dilakukan pada masa ini.

Firman Allah Subhanahu wa-Taala surah al-Mukminun ayat 1-6:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَنْ  
اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ هُمْ  
لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ  
غَيْرُ مُلْتَمِسِينَ ﴿٦﴾

Yang bermaksud: *Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya; Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia; dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu); Dan mereka yang menjaga kehormatannya, kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا  
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.